

# PM, isteri mula lawatan rasmi di Abu Dhabi

UAE rakan dagang terbesar Malaysia  
dengan nilai perdagangan AS\$29 bilion

Daripada Johari Ibrahim  
joib@bh.com.my

**Abu Dhabi:** Tan Sri Muhyiddin Yassin dan isteri, Puan Sri Noorainee Abdul Rahman, selamat tiba di Abu Dhabi, Emiriah Arab Bersatu (UAE) pada jam 11.50 malam kelmarin waktu tempatan bagi memulakan lawatan rasmi.

Ketibaan Perdana Menteri di Terminal Presiden Lapangan Terbang Antarabangsa Abu Dhabi disambut Menteri Kabinet UAE, Sheikh Shakhbout Nahyan; Menteri Luar, Datuk Seri Hishammuddin Hussein dan Duta Malaysia ke UAE, Mohd Tarid Sufian.


Perdana Menteri dijadual bertemu Putera Mahkota Abu Dhabi, Sheikh Mohamed Zayed Al Nahyan

dan Perdana Menteri UAE yang juga Pemerintah Dubai, Sheikh Mohammed Rashid Al Maktoum.

Muhyiddin mengadakan lawatan rasmi ke Arab Saudi dan UAE mulai Sabtu lalu.

Di **Kuala Lumpur**, BERNAMA melaporkan, hubungan Malaysia dan UAE menyaksikan perkembangan luar biasa, terutama dalam bidang perdagangan dan pelaburan sejak pembukaan misi diplomatik di kedua-dua negara.

Duta UAE ke Malaysia, Khalid Ghanim AlGhaith, berkata kedua-dua negara menjalin hubungan dua hala pada awal 1970-an, diikuti dengan pembukaan misi diplomatik Malaysia di Abu Dhabi pada 1983 dan Kedutaan UAE di Kuala Lumpur pada 1995.



*Muhyiddin berbincang dengan Sheikh Shakhbout sebaik tiba di Lapangan Terbang Antarabangsa Abu Dhabi, UAE, semalam.*  
(Foto BERNAMA)

AlGhaith berkata, ia turut didorong lawatan peringkat tinggi, terbaru lawatan Muhyiddin yang melambangkan silaturahmi erat kedua-dua negara.

“Ia bertujuan memacu hubungan dua hala ke tahap baharu, mempromosi perdagangan dan pelaburan dengan potensi kerjasama dalam bidang keselamatan makanan, pembangunan produk halal, dan lebih banyak kerjasama dalam sektor minyak dan gas, selain kerjasama pasca COVID-19 terutama dengan rancangan pemulihan pelancongan,” katanya.

Lawatan peringkat tertinggi itu

termasuk kunjungan Yang di-Perutusan Agong, Al-Sultan Abdullah Ri’ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah, ke UAE pada Disember 2020 dan Putera Mahkota Abu Dhabi, Sheikh Mohammed Zayed Al Nahyan ke Malaysia pada Julai 2019.

AlGhaith berkata, UAE adalah rakan dagang terbesar Malaysia di Asia Barat, dengan jumlah perdagangan dua hala AS\$29 bilion dalam lima tahun terakhir.

Beliau berharap di sebalik kesan pandemik COVID-19 dan kelembapan ekonomi global, jumlah dagangan antara kedua-dua negara dijangka meningkat pada ta-

hun-tahun akan datang.

“Pelaburan syarikat UAE seperti Mubadala dan OSC dalam industri minyak dan gas di Malaysia dianggap bernilai AS\$1.2 bilion, manakala syarikat Malaysia seperti Serba Dinamik Holdings mempunyai kedudukan yang kukuh di UAE,” katanya.

Beliau menegaskan, Malaysia adalah destinasi pendidikan bagi pelajar UAE dengan lebih 700 rakyatnya melanjutkan pengajian di institusi pengajian tinggi awam dan swasta Malaysia, kebanyakan dalam bidang pengurusan, perakaunan dan undang-undang.